

28 JAN 1998

Mahathir-Faedah

RAKYAT SIMPAN WANG DI BANK ASING PUNCA KADAR FAEDAH MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perbuatan rakyat mengeluarkan wang dari bank tempatan untuk disimpan dalam bank milik asing merupakan antara punca kadar faedah di negara ini semakin meningkat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, apabila bank-bank tempatan mengalami kekurangan modal akibat pengeluaran wang oleh penyimpan, mereka terpaksa pula meminjam daripada bank-bank asing yang mengenakan kadar faedah yang tinggi.

"Ini menyebabkan bank-bank tempatan juga terpaksa menaikkan kadar faedah mereka bagi menampung kadar faedah tinggi yang telah dikenakan terhadap mereka oleh bank-bank asing," katanya ketika kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka anjuran MCA di sini.

Dr Mahathir berkata, kadar asas pinjaman di negara ini masih rendah berbanding kebanyakan negara lain di rantau ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, akibat faedah dua kali dalam urusan pinjaman antara bank tempatan dan bank asing itu, kadar faedah yang dikenakan terhadap peminjam (orang ramai) turut dinaikkan.

Mengenai hasrat Malaysia menduduki kerusi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi sesi 1999-2001, Perdana Menteri berkata, Malaysia menawarkan diri sekali lagi kerana ingin mengambil bahagian yang aktif dalam forum-forum yang ia boleh menyuarakan pendapat secara bebas.

"Kita dapat sokongan yang banyak. Kemungkinan kita dapatlah kerusi itu," katanya ketika diminta mengulas sokongan Colombia, yang juga Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), kepada usaha Malaysia menduduki kerusi itu buat kali ketiga.

Semalam, Menteri Luar Colombia, Dr Maria Emma Mejia Velez berkata, Bogota menyokong usaha Malaysia untuk menduduki kerusi majlis 15 anggota itu.

Kali pertama, Malaysia berkongsi kerusi itu dengan Czechoslovakia pada 1965 manakala kali kedua adalah bagi sesi 1989-1990.

Ketika ditanya cadangan Colombia supaya Malaysia menerajui NAM selepas giliran Afrika Selatan, Dr Mahathir berkata, kerajaan belum membuat sebarang keputusan. -- BERNAMA

AH MAI